

ANALISA DAN BANDINGKAN PEMIKIRAN DUA TOKOH PENDIDIK MUSLIM
DI ZAMAN KEAGUNGAN ISLAM
Oleh: Baharudin bin Wahab (P38210)

1.0 PENGENALAN

Imam al-Ghazali dan Ibnu Khaldun merupakan dua tokoh pendidikan Islam yang tersohor di kalangan umat Islam. Hasil karya mereka sering dijadikan rujukan dan panduan dalam melaksanakan perkara yang berkaitan pendidikan Islam. Penulisan ini bertujuan untuk membandingkan dan menganalisa pemikiran mereka berkaitan beberapa isu yang diketengahkan.

2.0 LATAR BELAKANG TOKOH

Imam al-Ghazali dan Ibnu Khaldun merupakan dua tokoh yang hidup di zaman yang berbeza. Masing-masing mempunyai latarbelakang kehidupan dan pendidikan yang berbeza.

2.1 LATAR BELAKANG AL-GHAZALI

Nama penuhnya ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al Ghazali al-Tusi al Shafie. Dilahirkan pada tahun 450H/1058M, di sebuah kampung bernama Ghazalah iaitu sebuah kampung dipinggir kota kecil bernama Tus di wilayah Khurasan utara negara Iran (Sidik Baba 1998). Beliau dikenali sebagai Abu Hamid kerana mempunyai anak lelaki bernama Hamid yang meninggal dunia ketika masih bayi. Beliau juga dikenali sebagai al-Ghazali. Terdapat dua pendapat ahli sejarah tentang penggunaan perkataan al-Ghazali yang dinisbahkan kepadanya. Pertama, dengan sebutan al-Ghazali (satu z) berdasarkan nama daerah tempat kelahirannya iaitu Ghazalah. Kedua, dengan sebutan al-Ghazzali (dua z) berdasarkan pekerjaan harian bapanya sebagai penenun dan penjual kain tenun. Pekerjaan ini dinamakan ghazzal. Walaubagaimanapun nama al-Ghazali (satu z) bersempena dengan nama kampung tempat kelahirannya lebih meluas digunapakai (Abdul Salam Yusuf 2003).

Beliau dilahirkan dalam keluarga miskin yang kuat pegangan agama. Ayahnya seorang yang soleh, baik, sentiasa merendah diri serta seorang ahli tasawuf. Ayahnya sangat meminati ilmu pengetahuan dan menghormati orang alim. Walaupun bapanya seorang yang berpendapatan kecil namun beliau mendidik kedua-dua anaknya al-Ghazali dan adiknya Ahmad dengan didikan yang baik semasa kecilnya dan mengharapkan kedua-dua menjadi orang yang berilmu dan berkhidmat untuk agamanya. Namun, beliau telah meninggal dunia sebelum mencapai tujuan yang dicita-citakan itu ketika usia anak-anaknya masih kecil. Sebelum meninggal dunia ayah al-Ghazali sempat menyerahkan kepada seorang sahabatnya yang rapat yang juga seorang ahli tasawuf yang miskin untuk mendapatkan asuhan dan bimbingan yang baik darinya. Ahli sufi ini menjalankan tanggungjawabnya dengan baik sehingga harta yang ditinggalkan oleh bapanya hampir kehabisan. Atas rasa tanggungjawab dan amanahnya ahli sufi berkenaan telah menguruskan kedua-dua orang anak ini ke sebuah sekolah yang menyediakan bantuan dan kemudahan pelajaran. Berdasarkan suasana kehidupan keluarga dan pendidikan awal dari kalangan sufi maka keperibadian sufi telah terbentuk pada diri al-Ghazali sejak awal lagi.

Meninggal dunia pada pagi Isnin 14 Jamadilakhir 505H/19 Disember 1111M, al-Ghazali di tempat kelahirannya sendiri ketika berusia 53 tahun. Al-Ghazali telah mendapat gelaran "Hujjatul Islam" dari umat Islam seluruh dunia selepas wafatnya. Ini memandangkan kejayaan di dalam pembelaan yang dibuatnya terhadap Islam dari serangan anasir-anasir luar dan dalam yang membahayakan akidah umat Islam seluruhnya. Anasir yang ditentang hebat oleh al-Ghazali ialah unsur pemikiran kaum Mutakallimin, Unsur pemikiran kaum Filsafat, unsur pemikiran kaum Batiniyah dan unsur pemikiran kaum Sufi. Beliau juga telah berjaya menulis buku-buku yang berbentuk berbagai ilmu pengetahuan. Antara yang terkenal ialah kitab "*Ihya Ulum al Din*".

2.2 LATARBELAKANG IBNU KHALDUN

Nama sebenar beliau ialah Muhamad bin Muhammad bin Hasan bin Jabir bin Muhamad bin Ibrahim bin Abdul Rahman bin Khalid (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003). Ibnu Khaldun dilahirkan di Tunisia pada bulan Ramadhan 732H/1332M. Ibnu Khaldun berketurunan Arab tulen. Nenek moyangnya berasal dari Yaman. Beliau dikenali dengan nama Ibnu Khaldun diambil daripada nama datuknya iaitu Khalid bin Usman yang dikenali dengan nama Khaldun dan keluarga mereka juga telah digelar dengan gelaran Bani Khaldun (Abdullah Al-Amin Al-Naimy 1994).

Keluarganya adalah cendekiawan dan terhormat yang berjaya menghasilkan beberapa jabatan ilmiah dalam pemerintahannya. Ayahnya Abu Abdullah Muhammad seorang ahli politik. Kemudian beliau mengundurkan diri daripada bidang politik dan mendalami ilmu pengetahuan agama. (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003). Ibnu Khaldun memulakan pendidikannya dengan membaca dan menghafal al-Quran. Ayahnya adalah guru pertamanya. Daripada beliau dia belajar membaca, menulis dan bahasa Arab. Ibnu Khaldun telah melalui kematangan dalam persekitaran Tunisia yang pada ketika itu merupakan pusat kebangkitan ilmu dan kebudayaan. Kesuburan pemikiran dan kegemilangan pengajaran di Tunisia bertambah hebat dengan kemasukan para ulama dan pemikir yang melarikan diri daripada penindasan Eropah di Sepanyol. Diantara guru-guru terkenal yang membentuk keperibadian Ibnu Khaldun ialah Muhammad bin Sulaiman al-Satti, Abd al-Muhaimin al-Hadrami, Muahammad bin Ibrahim al-Abili. Daripad beliau dia belajar ilmu-ilmu pasti, logik dan seluruh ilmu (teknik) kebijaksanaan dan pengajaran di samping dua ilmu asas (al-Quran dan al-Hadis).

Pada tahun 749H ketika Ibnu Khaldun berusia 18 tahun Tunisia dilanda wabak pes yang mengakibatkan Ibnu Khaldun kehilangan kedua orang tuanya dan beberapa orang gurunya. Beliau tidak dapat melanjutkan pelajaran dan akhirnya berhijrah ke Maghribi. Semasa di Maghribi beliau telah ditenggelami oleh urusan politik dalam tempoh yang lama iaitu 20 tahun. Ibnu Khaldun telah mulai bosan dengan kehidupan dalam bidang politik yang telah memisahkannya daripada menumpukan perhatian pada bidang

pengajian dan penganalisaan. Politik telah menyebabkan banyak waktu beliau terdedah dengan ujian-ujian dan masalah-masalah. Oleh itu beliau telah mengambil keputusan untuk menjauhkan diri dari suasana ini ketika berusia 43 tahun. Beliau menyendiri, berfikir, mendalami dan menghasilkan sesuatu yang baru selama empat tahun. Ibnu Khaldun telah menyiapkan bukunya, Mukaddimah yang menjadikan beliau terkenal di kalangan pemikir agung. Kemudian beliau kembali ke Tunisia dan menceburkan diri dalam bidang pengarang, namun beberapa kesulitan yang timbul telah menyebabkan beliau berhijrah ke Kaherah pada tahun 784H/1382M. Di Kaherah beliau pernah bekerja sebagai pengajar dan berkecimpung dalam urusan kehakiman beberapa kali sehinggalah beliau meninggal dunia di Kahera Mesir pada 18 Mac 1406M ketika berusia 74 tahun.

3.0 PERBANDINGAN PEMIKIRAN

3.1 PROSES MENDAPAT ILMU

Imam al-Ghazali mengklasifikasikan proses mendapatkan ilmu melalui empat cara iaitu melalui pancaindera, akal fikiran, hati dan wahyu.

a) Ilmu Bersumberkan Pancaindera

Imam al-Ghazali berpandangan bahawa ilmu dapat diperolehi melalui pancaindera. Namun didapati bahawa ilmu yang diperolehi secara mudah ini menunjukkan kepalsuan apabila diselidiki dari dekat. Ini kerana pengalaman menunjukkan bahawa ilmu deria ini tunduk kepada angan-angan dan kesesatan. Hal ini dinyatakan oleh al-Ghazali dalam awal penulisan bukunya *al-Munqiz Min al-dhalal*. Contohnya apabila kita melihat bintang, kita dapati ia berbentuk kecil sebesar wang satu dinar sahaja. Tetapi bukti-bukti berdasarkan ilmu ukur menunjukkan ia lebih besar daripada bumi (Abdul Salam Yussof 2003).

Beliau menjelaskan pelbagai kelemahan mata dalam karyanya *Misykat al-Anwar*. Antaranya ialah mata tidak mampu melihat objek-objek yang terlalu jauh atau terlalu dekat. Beliau meragui terhadap ilmu-ilmu yang berdasarkan pancaindera kerana kadangkala kadangkala pancaindera juga tidak benar. Oleh itu semua ilmu berdasarkan pancaindera tidak boleh diyakini kebenarannya seratus-peratus dan bukanlah ilmu hakiki.

b) Ilmu Bersumberkan Akal Fikiran

Seterusnya beliau meletakkan kepercayaan kepada kemampuan akal untuk mendapatkan ilmu. Al-Ghazali membandingkan kemampuan akal adalah lebih bermakna dan berautoriti jika dibandingkan dengan sumber pancaindera untuk memperolehi ilmu dan kebenaran. Contohnya mata kasar tidak dapat melihat objek yang terlalu jauh atau dekat dengannya. Sebaliknya bagi akal, jauh dan dekat sama sahaja. Al-Ghazali menyatakan walaupun akal mempunyai 'daya lihat' namun masih banyak lagi hal yang tidak terjangkau oleh akal. Oleh itu akal perlu dirangsang, digerakkan dan diberi perhatian. Contohnya dalam hal ransangan, hanyalah ucapan para hukama iaitu orang yang memperolehi pancaran cahaya hikmat dapat merangsang dan mampu memberikan ransangan ini (Abdul Salam Yussof 2003).

c) Ilmu Bersumberkan Hati

Disamping cara memperolehi ilmu melalui proses pancaindera dan akal, al Ghazali menyatakan bahawa ilmu juga dapat diperolehi melalui hati. Cara ini bersifat rohani sepenuhnya tanpa apa-apa hubungan dengan dunia iaitu tidak melibatkan proses deria zahir dan akal. Ilmu ini melampaui batas-batas pancaindera dan bersifat sufistik. Al-Ghazali membuat perbandingan hati seperti sebuah kolam yang kosong, ilmu ibarat air dan pancaindera yang lima ibarat lima batang anak sungai. Ada dua cara mengisi air dalam kolam itu. Pertama, membiarkan atau mengarahkan aliran air lima sungai masuk ke dalam sungai itu sehingga penuh. Perumpamaan ini bermaksud maklumat-maklumat diterima oleh lima pancaindera kemudian diproses secara psikologi sehingga menjadi ilmu yang lebih matang. Kedua, dengan menutup rapat halangan semua anak sungai yang

ada lalu menggali dasar kolam dengan lebih dalam sehingga mata air memancar daripada dasar kolam dan memenuhi kolam itu. Begitu juga seseorang itu dapat memperoleh ilmu dengan menutup pancaindera lalu mengasingkan diri atau berkhawat untuk menjernihkan akhlaknya dan menyelam ke dalam dasar jiwanya sehingga mata air memancar daripada dirinya. Terdapat dua jenis ilmu yang terhasil dari hati. Pertama ialah seperti terjadi ilham (ilmu laduni) di dalam jiwa iaitu bisikan di dalam hati. Kedua, disingkap bagiNya hakikat-hakikat segala sesuatu dan ditunjukkan oleh malaikat yang ditugaskan kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya (Abdul Salam Yussof 2003).

d) Ilmu Bersumberkan Wahyu

Menurut al-Ghazali sumber ilmu berdasarkan wahyu adalah yang paling utama. Al-Quran juga menegaskan bahawa sumber ilmu lain jika diiringi dengan kajian dan orientasi yang betul akan dapat menyempurnakan kebenaran ilmu wahyu kerana ilmu-ilmu ini berasal daripada sumber yang sama iaitu Allah SWT.

Ibnu Khaldun pula menyatakan bahawa Allah SWT membezakan manusia dengan makhluk-makhluk lain dengan kemampuan manusia mencari dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini Ibnu Khaldun cuba menjelaskan beberapa cara atau tahap bagi manusia mencari dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Bermula dengan kesedaran dalam diri (*idrak*) yang dimilikinya, diterima dan dibaca oleh pancainderanya, kemudian ditanggapi oleh akal dan diolah oleh fikirannya untuk membuat kesimpulan atau analisis.

a) Kesedaran Dalam Diri (*Idrak*) Melalui Pancaindera

Ibnu Khaldun menyatakan dengan adanya pancaindera yang sangat sensitif terhadap alam sekitarnya, manusia dapat menerima pengetahuan dengan sendirinya. Ini disebabkan adanya *idrak* iaitu kesedaran dalam diri seseorang melalui pancainderanya. Ibnu Khaldun berpendapat, manusia tidak melebihi binatang melainkan dengan adanya makrifah (ilmu pengetahuan) dan *idrak* (sifat mengetahui). Deria yang lima iaitu pendengaran,

penglihatan, hidu, rasa dan sentuh merupakan alat-alat untuk mencapai makrifah tersebut. (Abdullah Al-Amin Al-Na'miy 1994).

b) Melalui Akal Fikiran

Ibnu Khaldun juga menyatakan bahawa ilmu pengetahuan boleh diperolehi melalui penelitian akal. Penelitian akal berlangsung dengan perantaraan penggunaan kaedah-kaedah logik yang menyediakan seseorang untuk mendapatkan makrifah dan hakikat (Abdullah Al-Amin Al-Na'miy 1994). Beliau membataskan akal manusia kepada tiga tahap iaitu, akal *tamyizi*, *tajribi* dan *nazari*. Akal *tamyizi* ialah akal yang dapat merasa benda yang berada di luar dirinya serta ciri benda tersebut. Selain itu ia dapat mengambil manfaat dan menghindari bahaya daripada benda tersebut. Akal *tajribi* ialah akal yang mampu membezakan di antara perkara baik dan buruk dalam pergaulan, menentukan dan mengerjakan apa yang wajib dan meninggalkan larangan. Manakala akal *nazari* bermaksud akal yang memberikan pengetahuan dan idea yang diinginkan tiada hubungan dengan perbuatan (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003)

c) Percubaan dan Penyaksian

Percubaan merupakan salah satu cara untuk mendapat makrifah. Manusia sentiasa berada dalam percubaan sepanjang hidupnya. Dengan itu manusia dapat menghasil dan menyuburkan makrifah dengan menambah sesuatu yang baru ke atas percubaan tadi. Begitu juga, beliau berpendapat manusia berbeza dalam menghasilkan makrifah. Perbezaan ini berdasarkan kepada kelainan persediaan dan keupayaan mereka.

3.2 KLASIFIKASI ILMU

Secara dasarnya, al-Ghazali membahagikan keseluruhan disiplin ilmu kepada dua kelompok utama iaitu ilmu-ilmu praktis (ilmu muamalat) dan ilmu-ilmu spiritual (ilmu mukasyafah). Kedua-dua cabang ilmu ini mempunyai kaitan rapat dengan cara

memperolehi ilmu iaitu melalui pancaindera, rasional dan spirituil murni. Al-Ghazali menggariskan klasifikasi ilmu praktis berdasarkan status hukum untuk mempelajari ilmu itu. Atas dasar pertimbangan ini, ilmu praktis terdiri daripada dua cabang iaitu ilmu fardhu ain dimana hukum mempelajarinya adalah fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah iaitu hukum mempelajarinya adalah fardhu kifayah.

Ibnu Khaldun membahagikan ilmu kepada dua iaitu ilmu naqli dan ilmu aqli. Ilmu naqli ialah ilmu-ilmu yang oleh seseorang melalui syarak. Akal tidak terlibat dalam prinsip-prinsipnya yang umum. Akal mungkin boleh digunakan pada pecahan persoalan prinsip-prinsip ini. Ibnu Khaldun sesekali menamakannya dengan ilmu naqli dan sesekali yang lain pula dinamakan dengan ilmu-ilmu yang dimaksudkan. Persamaan ini dimaksudkan oleh beliau dengan ilmu-ilmu agama. Ilmu ini merangkumi al-Quran, Hadith, Usul Fiqh, Ilmu Kalam dan Tasawuf.

Ilmu aqli pula merupakan ilmu yang dapat dicapai dan dipedomani melalui akal dan fikiran. Ilmu ini dikhususkan dengan persamaan ilmu-ilmu yang tidak dimaksudkan dan dianggap sebagai alat dan jalan untuk ilmu-ilmu lain yang dimaksudkan. Ibnu Khaldun menyebutkan bahawa ilmu-ilmu ini termasuk daripada tabiat manusia dengan menganggap manusia melebihi sekalian yang wujud dengan adanya akal fikiran. Ilmu ini bukan merupakan keistimewaan sesuatu umat sahaja dan kewujudan ilmu-ilmu ini berhubungkait dengan kemajuan masyarakat dan peradaban.

3.3 METODOLOGI PENGAJARAN

Menurut Hassan Langgulung (1991), metodologi pengajaran pada asasnya melibatkan tiga perkara pokok iaitu subjek yang dipelajari, orang yang mempelajari dan orang yang mengajar. Penglibatan dan interaksi antara ketiga-tiga komponen ini dikenali sebagai proses belajar.

Al-Ghazali tidak mengemukakan satu kaedah pengajaran yang khas. Walaubagaimanapun beliau menjelaskan sebahagian prinsip-prinsip dasar yang patut

dipegang oleh setiap pendidik dan juga pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran prinsip-prinsip dasar yang penting dikemukakan seperti berikut:

1. Mewujudkan hubungan positif antara guru dan murid. Hubungan dibina atas dasar kasih sayang, lemah lembut, saling mempercayai dan hormat menghormati. Apabila hubungan ini tercipta maka mesej setiap guru dan pelajar mudah terlaksana dan berada dalam situasi menyenangkan. Sebaliknya jika pelajar menjauhkan diri daripada guru atau berasa tidak tenteram akibat kekasaran guru, ia akan menyebabkan kegagalan proses pendidikan.
2. Kebersihan jiwa dan hati pelajar. Al-Ghazali menjelaskan sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh murid-murid sehingga mereka dapat mengambil manfaat daripada proses pengajaran. Sifat-sifat itu ialah tawaduk, jiwanya suci dari amalan tercela, setia dan ikhlas hatinya.
3. Keseuaian ilmu dengan keupayaan pelajar. Al-Ghazali mengakui wujud perbezaan individu dari sudut persediaan akal dan kemampuannya. Oleh itu beliau menyarankan supaya proses pendidikan hendaklah selari dengan kemampuan akal pelajar-pelajar.
4. Mempelajari ilmu mudah kepada kompleks. Proses pengajaran haruslah dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap kemampuan pelajar.
5. Memberi pandangan dan cadangan. Guru perlu mewujudkan aktiviti perbincangan agar masing-masing dapat mengeluarkan idea dan pandangan yang kreatif yang dapat dikongsi bersama (Abdul Salam Yusuf 2003)

Menurut Ibnu Khaldun di dalam mencapai tujuan pendidikan aspek ilmu pengetahuan dan kaedah yang digunakan oleh guru perlu diberi perhatian. Antara kaedah yang disarankan ialah:

1. Ilmu yang disampaikan perlulah sesuai dan setaraf dengan usia dan kemampuan pelajar.
2. Kadah bertahap dan pengulangan. Guru perlu menyampaikan ilmu secara berperingkat, beransur-ansur dan melakukan pengulangan kerana kemampuan akal pelajar adalah berbeza. Justeru itu, para guru perlu sentiasa mengulangi pelajaran yang diberikan dengan memberikan contoh-contoh yang berbentuk sederhana menuju yang lebih sempurna secara berperingkat dengan memerhatiakan persediaan pelajar.
3. Guru dinasihatkan tidak menggunakan pelbagai buku ketika mengajar satu mata pelajaran. Ini akan menyulitkan pelajar yang masih kecil dalam menghadapi situasi pembelajaran.
4. Metod berdialog dan diskusi. Metod berdialog dan perbincangan dilaksanakan dengan mewujudkan persoalan dan jawapan bertujuan mencari kebenaran. Metod ini merupakan satu metod yang penting kerana ia boleh meningkatkan pemikiran pelajar, menggalakkan sikap menghormati idea orang lain dan dapat menolak sikap fanatik secara membabi buta serta dapat menerima pendapat yang benar (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003)

3.4 PENDIDIKAN ANAK

Al-Ghazali amat menekankan keperluan pendidikan pada peringkat awal dan peranan bagi perkembangan dan pendidikan selanjutnya. Proses pendidikan manusia berterusan sepanjang hayat. Proses tersebut bermula sejak dilahirkan iaitu dia mula mengalami pertumbuhan dan perkembangan secara menegak sehingga menuju kepada kesempurnaan dan kebahagiaan. Namun perkembangan hidup ini berlaku secara berperingkat-peringkat. Menurut al-Ghazali terdapat lima peringkat perkembangan kanak-kanak iaitu peringkat janin, kanak-kanak, tamyiz, al-aqil dan al-aulya. Peringkat janin iaitu peringkat anak masih dalam kandungan ibu dan hidup setelah ditiupkan roh oleh Allah. Dari sini bermula

pendidikan pertama yang bercorak rohani. Pada tahap ini ibu bapa digalakkan sentiasa beribadat dan berdoa di samping mendapatkan makanan yang halal.

Peringkat kanak-kanak bermula sejak lahir sehingga berusia lima tahun. Ibu bapa atau penjaga perlu menekankan pendidikan dari sudut rohani dan jasmani. Peringkat ketiga ialah peringkat mumaiyiz iaitu peringkat anak-anak dapt membezakan sesuatu perkara yang baik dan buruk serta perkembangan pemikirannya boleh mencapai perkara-perkara berkaitan ilmu asas. Guru perlu menyampaikan perkara berkaitan ilmu-ilmu asas bercorak fardhu ain. Berikutnya ialah peringkat manusia yang telah berakal dengan sempurna sehingga boleh menguasai ilmu asas iaitu peringkat remaja dan boleh menguasai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah dengan baik serta dipertanggungjawabkan memikul segala amanah yang diperintah Allah. Peringkat kemuncak kehidupan manusia ialah peringkat al-anbiya dan al-auliya. Para nabi telah mendapt ilmu dari Allah SWT secara terus atau melalui malaikat iaitu ilmu wahyu. Sementara, para wali pula mendapat ilmu ilham atau laduni iaitu tidak diketahui bagaimana ilmu itu mereka perolehi.

Al-Ghazali menyebut dengan panjang lebar mengenai pendidikan anak-anak sama ada berkaitan fizikal, mental dan akhlak. Pendidikan anak menurut al-Ghazali di dalam Abdul Salam Yussuf (2003) adalah seperti berikut:

1. Pendidikan anak mula diperhatikan sejak lahir lagi. Untuk memelihara anak daripada sifat negatif memerlukan pendidikan dan pembentukan yang baik.
2. Membiasakan anak dengan cara hidup sederhana dari segi makan minum, pakaian dan tempat tidur.
3. Anak-anak diajar al-Quran, hadis pilihan dan biografi tokoh-tokoh besar supaya tertanam dalam jiwanya hormat kepada orang yang hebat atau soleh.
4. Beri peruntukan waktu yang cukup untuk pendidikan jasmani supaya badannya menjadi sihat lagi tangkas. Apabila tubuh badan menjadi kuat pasti jiwa pun menjadi gagah, bercita-cita tinggi dan timbul kegembiraan untuk bekerja.
5. Pelihara pergaulan anak-anak daripada teman-teman yang nakal kerana akhlak yang nakal akan menular seperti menular penyakit dalam badan.

6. Setiap perbuatan terpuji yang dilakukan oleh anak-anak perlu diberi ganjaran seperti hadiah kerana ia boleh merangsang anak-anak untuk gigih melakukan lebih banyak kebaikan.
7. Jangan banyak mencela atau memaki anak-anak sewaktu mereka melakukan kesilapan dan kesalahan. Al-Ghazali berpendapat bahawa perbuatan tersebut akhirnya akan membuatkan anak mengabaikan kata-kata memaki dan terus melakukan kesalahan.
8. Apabila anak-anak mula memasuki alam remaja perlu diajarkan pokok ilmu syariat dan jangan dibiarkan meninggalkan solat.
9. Bila anak dewasa, perlu mulakan mempelajari ilmu-ilmu syariat dan aqliah kerana pada peringkat ini perkembangan akal membolehkan untuk menerima ilmu tersebut.

Menurut Hasaan Asari (1999), keseluruhan idea pendidikan al-Ghazali berdasarkan pandangan dan pegangan iaitu setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, suci dan bersih. Anak-anak bersiap sedia untuk menerima sebarang pengaruh luar. Perkara ini menjadikan tugas mendidik anak sebagai satu seni menjaga, merawat dan mendorong kepada pertumbuhan dan perkembangan yang positif.

Ibnu Khaldun juga menyatakan bahawa jiwa manusia apabila berada di atas fitrah yang pertama maka ia tersedia untuk menerima apa sahaja yang datang ke atasnya daripada kebaikan atau kejahatan dan jiwa akan termetri dengan salah satu daripada kedua-dua sifat tersebut. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud:

”Setiap anak yang dilahirkan cenderung kepada fitrah (Islam), maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani”

Hadis ini menjelaskan bahawa fitrah (Islam), ia sedia menerima kebaikan dan keburukan serta sedia dibentuk dan menerima pendidikan. Hal ini disebabkan seorang anak dipengaruhi oleh lingkungan kehidupan dimana ia berada (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003). Oleh itu, kedua ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik,

membina dan menentukan masa depan anak-anak. Ibnu Khaldun menyebut dalam bukunya, *al-Mukaddimah* bahawa apa-apa ilmu yang dipelajari seseorang pada masa muda pasti akan berakar kuat dan berfungsi sebagai dasar bagi pendidikan selanjutnya. Watak yang ada pada asasnya akan menentukan keadaan bangunan-bangunan itu.

Ibnu Khaldun juga menyarankan agar menjalankan dasar lemah lembut dalam pendidikan. Beliau tidak percaya bahawa kekerasan dapat membantu membetulkan tingkahlaku seseorang. Sebaliknya kekerasan kadangkala meninggalkan bahaya-bahaya yang sukar diatasi. Beliau berpendapat apabila keadaan memaksa supaya dijalankan tindakan memukul maka ia tidak boleh melebihi tiga kali pukulan. Beliau berkeyakinan bahawa sekatan agama yang lahir daripada diri lebih berfaedah dalam mengawal tingkahlaku.

4.0 RUMUSAN

Dalam bahagian ini akan dibuat analisa ringkas berkaitan pemikiran kedua-dua tokoh tentang isu-isu yang telah diutarakan. Kedua-dua tokoh ini mempunyai pendapat dan pandangan masing-masing berdasarkan hujah tersendiri.

Isu pertama berkaitan dengan proses mendapatkan ilmu. Al-Ghazali memasukkan unsur-unsur kerohanian dalam proses mendapatkan ilmu disamping berasaskan kepada pancaindera dan akal. Manakala Ibnu Khaldun lebih tertumpu kepada alam realiti dan penggunaan logik seperti melalui pancaindera, akal dan percubaan serta penyaksian. Ini kemungkinan disebabkan oleh penulisan kitab *Muqaddimah* itu sendiri, dimana sepertiganya adalah berkaitan pendidikan dan pengajaran berdasarkan pengalaman reliti yang dialaminya. Namun begitu tidaklah bermaksud Ibnu Khaldun mengeneipkan persoalan kerohanian. Ini dapat dilihat dalam pendapatnya tentang pembahagian jiwa kepada tiga jenis. Jenis pertama adalah jiwa yang menggunakan pancaindera sebagai laluan untuk mendapat makrifah. Jenis kedua ialah jiwa yang dapat sampai kepada makrifah secara rohani tanpa menggunakan alat-alat deria. Jiwa ketiga berkaitan dengan bagaimana caranya para nabi mencapai makrifah (Abdullah Al-Amin Al-Na'miy 1994).

Berkenaan dengan klasifikasi ilmu, al-Ghazali mengklasifikasikan ilmu kepada ilmu fardhu dan dan ilmu fardhu kifayah adalah berdasarkan kepada hukum mempelajarinya. Ini disebabkan pada zamannya timbul persoalan dalam masyarakat tentang apakah disipin ilmu yang wajib dipelajari berdasarkan satu hadis yang menyatakan bahawa menuntut ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap Muslim. Menurut al-Ghazali terdapat lebih 20 kelompok ilmuan menganggap disiplin ilmu yang mereka utamakan ialah ilmu Kalam, Fekah, Hadis, Tafsir, Sufi dan lain-lain. Masing-masing mengutarakan alasan-alasan yang lengkap. Klasifikasi ilmu yang digariskan oleh al-Ghazali seolah-olah ingin menjernihkan kebingungan masyarakat dalam hal ini dengan menawarkan satu heirarki ilmu serta menjelaskan kedudukan hukum dan tujuan belajar. Klasifikasi ini berfungsi sebagai panduan bagi menentukan posisi setiap disiplin ilmu dalam sistem pendidikan Islam. Klasifikasi ini juga bertujuan untuk menentukan apakah mata pelajaran yang harus diutamakan dan sebaliknya membatasi pengembangan serta kajian disiplin ilmu tersebut (Abdul Salam Yussuf 2003). Ibnu Khaldun pula membahagikan ilmu kepada naqli dan akli. Walaupun begitu kedua-duanya membawa konsep yang sama iaitu ilmu pertama ialah ilmu yang datang dari Allah SWT melalui wahyu (ilmu fadu ain atau ilmu naqli). Ilmu kedua ialah ilmu yang berkaitan dengan kehidupan manusia yang memerlukan akal untuk mendapatkannya (ilmu fardhu kifayah atau ilmu naqli).

Dari aspek metodologi pengajaran kedua-keduanya mempunyai pendapat yang sama iaitu ilmu yang disampaikan hendaklah sesuai dengan keupayaan pelajar mengikut usia mereka. Di samping itu guru perlu mengajar ilmu mudah kepada kompleks secara bertahap. Mereka juga menekankan aspek perbincangan atau soaljawab dalam proses pembelajaran. Namun begitu al-Ghazali lebih menekankan kepada aspek hubungan positif antara guru dan pelajar serta aspek kebersihan jiwa murid dalam proses pengajaran.

Walaupun kedua-duanya mempunyai pendapat yang sama iaitu ilmu yang disampaikan hendaklah sesuai dengan keupayaan pelajar mengikut tahap dan usia mereka, namun Ibnu Khaldun mengemukakan metod bertahap dan pengulangan.

Menurutnya, dalam proses pengajaran guru hendaklah menitikberatkan tiga langkah penting iaitu pembelajaran kepada pelajar yang masih muda belia hendaklah menguasai pengetahuan terlebih dahulu sebelum diberikan pengetahuan yang terperinci secara beransur-ansur. Dalam hal ini Ibnu Khaldun mengatakan "pengajaran ilmu kepada pelajar menjadi lebih efektif apabila disampaikan secara beransur-ansur" (Gamal Abdul Nasir 2003). Tahap pertama, guru mengajar mengenai masalah-masalah penting yang dikemukakan dan menyampaikan kepada anak didik dengan memberi komen ringkas. Guru hendaklah memerhatikan kemampuan akal dan kesediaan pelajar memahami masalah tersebut. Kemudian guru tersebut mengemukakan pelajaran yang sama pada kali kedua dalam bentuk yang lebih luas. Tahap kedua pula kemampuan pelajar pada pelajaran yang diberikan semakain meningkat. Seterusnya guru menerangkan kepada pelajar mengenai pelajaran yang sama secara terperinci dan mantap. Guru perlu mengungkapkan setiap inci mata pelajaran yang diberikan kepada pelajar. Kesan yang dapat dilihat ialah selepas pelajar selesai menerima pelajaran yang diberi, mereka mampu menguasai ilmu tersebut.

Metod bertahap dan pengulangan ini adalah sesuai dipraktikkan pada masa kini. Sebagai contoh sistem pendidikan di Malaysia dilaksanakan secara bertahap iaitu bermula dari pra-sekolah, rendah dan menengah. Kurikulum pendidikan Islam di ajar secara bertahap dan pengulangan. Sebagai contoh diperingkat sekolah rendah murid diajar perkara berkaitan dengan puasa secara ringkas sahaja. Apabila diperingkat menengah pelajaran puasa diulang semula, tetapi dengan cara yang lebih terperinci.

Metod bertahap dan pengulangan ini tidak disentuh oleh Imam al-Ghazali dan ia telah dilengkapkan oleh Ibnu Khaldun. Oleh itu dari sudut metod pengajaran, perkara yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun adalah lebih praktikal untuk dilaksanakan pada masakini.

Kedua-dua tokoh ini amat mementingkan soal pendidikan anak-anak yang merupakan pewaris generasi akan datang. Dalam pendidikan anak, kedua-dua tokoh ini mempunyai pendapat yang sama berkaitan fitrah kanak-kanak. Oleh itu mereka amat

menekankan tentang pendidikan anak-anak bermula sejak kecil lagi iaitu berkaitan dengan pendidikan akhlak dan keimanan.

5.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, walaupun dilihat seolah-olah terdapat perbezaan diantara kedua-dua tokoh ini, namun jika diteliti secara mendalam kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Hasil pemikiran Al-Ghazali dan Ibnu Khaldun ini perlu dijadikan panduan oleh guru-guru terutamanya guru pendidikan Islam untuk mencapai matlamat dan tujuan pendidikan Islam. Kedua-keduanya merupakan tokoh yang gigih dan cekal di sepanjang kehidupan mereka demi untuk mencari kebenaran dalam bidang pendidikan.

Rujukan

- Abdullah Al-Amin Al-Na'miy. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Kaldun dan Al-Qabisi*. Terj. Mohd Ramzi Omar. Kuala Lumpur: DBP
- Abdul Salam Yussof. 2003. *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Gamal Abdul Nasir. 2003. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Hasan Asari. 1999. *Nukilan pemikiran Klasik-Gagasan Pendidikan al-Ghazali*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Ibnu Khaldun. 2002. *Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: DBP
- Seminar al-Imam al-Ghazali dan Sumbangannya. 1998. Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 23 – 25 September.